

12/11/2003

MGSB rancang perluas sistem keselamatan lapangan terbang

MULTIMEDIA Glory Sdn Bhd (MGSB) yang membekalkan sistem keselamatan cap jari biometrik yang digunakan ketika Tun Dr Mahathir Mohamad mendaftar keluar Jabatan Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu merancang memperluaskan sistem keselamatannya itu ke lapangan terbang tempatan serta lapangan terbang Asean.

Pengarah Eksekutif MGSB, N Srikanthan, berkata sistem itu juga digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mendaftar pada masuk Jabatan Perdana Menteri pada 3 November lalu.

Katanya, syarikat berharap untuk memperluaskan penggunaan sistem keselamatannya itu untuk 30 lagi lapangan terbang di seluruh negara yang kemudiannya akan dikembangkan ke lapangan terbang Asean lain.

"Syarikat yang berstatus MSC ini berharap akan dapat memulakan projek pemasangan sistem berkenaan di lapangan terbang antarabangsa Malaysia lain pada tahun depan," katanya di Cyberjaya, Isnin lalu.

MGSB yang memenangi Anugerah ICT Asia Pasifik MSC (APICTA) 2003, adalah antara 19 penama lain yang akan ke APICTA 2003 antarabangsa yang akan diadakan di Bangkok pada 6 hingga 8 Disember depan.

Peserta lain yang akan dihantar oleh Malaysia ke majlis penganugerahan antarabangsa itu termasuk mereka yang terbabit dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), e-kerajaan, e-dagang, pelancongan, pendidikan, keselamatan dan aplikasi untuk industri, hiburan, komunikasi kesihatan dan perniagaan.